

Pengaplikasian perisian kosa kata (*Boros Maan*) Kadazandusun dalam pencapaian murid sekolah rendah

Kadazandusun language vocabulary software application (Boros Maan) in primary school student achievement

*Norjietta Taisin**

**norjietta@fbk.upsi.edu.my*

Tracy Valerian

tracyvalerian03@gmail.com

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*

Received: 09 September 2020; Accepted: 20 September 2020; Published: 17 October 2020

Taisin, J. @ N. (2020). Pengaplikasi perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun dalam pencapaian murid sekolah rendah. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 60-69. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/130>

ABSTRAK

Kosa kata sangat mempengaruhi dalam penguasaan kemahiran bahasa khususnya dalam bahasa Kadazandusun. Justeru, murid-murid yang mengambil subjek bahasa Kadazandusun seharusnya diberi pendedahan awal untuk mempelajari kosa kata agar mereka dapat menguasai kemahiran lisan, membaca dan menulis dalam subjek bahasa Kadazandusun seperti subjek Bahasa Melayu. Keterbatasan kosa kata yang ada pada murid menyebabkan mereka kurang memahami Bahasa Kadazandusun sama ada menulis mahupun berkomunikasi. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan pengaplikasian perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun dalam pengajaran dan pembelajaran. Seramai 40 orang murid Tahun Empat telah dijadikan sampel kajian yang dibahagikan kepada kumpulan kawalan (20 orang) dan kumpulan rawatan (20 orang). Pendekatan kuantitatif digunakan dengan kajian kuasi eksperimen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan dalam pencapaian kosa kata murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan iaitu sebelum dan selepas guru menggunakan perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun. Nilai min ujian pra kumpulan kawalan ialah 3.45 dan min bagi ujian pasca 7.25, manakala bagi kumpulan rawatan nilai min ujian pra ialah 3.05 dan nilai min bagi ujian pasca pula 8.15. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun dapat meningkatkan pencapaian murid untuk mempelajari kosa kata di samping dapat menambahkan bahan bantu mengajar guru dalam subjek Bahasa Kadazandusun. Kesimpulannya, kaedah pembelajaran menggunakan perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun memberi impak yang positif dalam pencapaian penguasaan kosa kata murid di peringkat sekolah rendah.

Kata Kunci: Kosa kata, perisian, Bahasa Kadazandusun, meningkat, *boros maan*

ABSTRACT

Vocabulary has a significant impact on the mastery of language skills, particularly in the Kadazandusun language. Thus, students who have taken the Kadazandusun language subject should be given early exposure to learning vocabulary so that they can master oral, reading and writing skills in Kadazandusun language subjects such as the Malay language subject. The limited vocabulary skills of students lead to a lack of understanding of the Kadazandusun language, whether in writing or in communication. This study was conducted to determine the effectiveness of the use of Kadazandusun language vocabulary software (boros maan) in teaching and learning. A total of 40 Year Four students were sampled in a study divided into control groups (20 people) and treatment groups (20 people). Quantitative approaches are used in quasi-experimental research. The findings showed that there were significant differences in the achievement of student vocabulary in control and treatment groups before and after teaching with the Kadazandusun vocabulary software (Boros maan). The min pre-test (before) control group is 3.45 and the mean for post-test (after) 7.25, while the pre-test group is 3.05 and the mean for post-test is 8.15. The implications of the study showed that the application of the Kadazandusun vocabulary software (Boros maan) could increase the student's ability to learn vocabulary, as well as to add this incentive as a learning tool to Kadazandusun language teachers. In conclusion, the learning method using the Kadazandusun vocabulary software (Boros maan) has a positive impact on the performance of students' vocabulary in primary schools.

Keywords: Vocabulary, software, Kadazandusun language, increase and boros maan

PENGENALAN

Bahasa Kadazandusun mula mendapat pengiktirafan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 1997. Percubaan pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah kerajaan dilaksanakan pada tahun 1997 dengan pelaksanaan tersebut dimulakan untuk murid-murid Tahun 4 di 5 buah sekolah di seluruh Negeri Sabah. Seramai 15 orang guru yang mewakili sekolah masing-masing telah diberikan latihan oleh Jabatan Pendidikan Negeri untuk melaksanakan pengajaran Bahasa Kadazandusun. Pengajaran Bahasa Kadazandusun telah diperluaskan di 147 buah sekolah rendah oleh Jabatan Pendidikan Negeri pada tahun 1998 bagi murid-murid Tahun 4 di mana belanjawan yang diperlukan untuk mengendalikan pengajaran tersebut adalah tanggungjawab Pusat Perkembangan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kurikulum murid Tahap Dua Bahasa Kadazandusun memberikan fokus pengukuhan dan aplikasi 3M dan menaakul, mempunyai kemahiran asas TMK, perkembangan sosioemosi, kerohanian, fizikal, sikap dan nilai (Kurikulum BKD, 2010). Walau bagaimanapun, pedagogi guru tidak selaras dengan kurikulum Bahasa Kadazandusun iaitu mempunyai kemahiran asas TMK kerana pedagogi hanya tertumpu kepada penggunaan strategi pengajaran tradisional di dalam bilik darjah meskipun kini berada dalam pembelajaran abad ke-21. Penggunaan teknik tradisional iaitu kaedah pengajaran “*chalk and talk*” dalam proses PdP tanpa menggunakan ABBM yang sesuai menjadi faktor utama murid tidak memahami apa yang disampaikan oleh guru (Julita Norjietta Taisin, 2011) terutama sekali dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Menyedari bahawa pembelajaran Bahasa Kadazandusun melalui strategi pengajaran tradisional sudah lama digunakan, maka sudah tiba masanya untuk mengaplikasikan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun. Seperti yang ditekankan oleh Ashfahani

(2015), penggunaan ICT dapat membantu fungsi kognitif individu dalam mengenal pasti maklumat yang penting dan bermakna. Perkara ini juga seiring dengan perkembangan teknologi yang telah ditetapkan dalam anjakan ketujuh melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) untuk memanfaatkan teknologi maklumat dalam proses pembelajaran di seluruh Malaysia (KPM, 2013). Perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun merupakan satu bahan pembelajaran yang akan digunakan di dalam bilik darjah untuk meningkatkan pencapaian kosa kata murid. Dengan adanya dapatan kajian dapat dijadikan panduan kepada guru-guru khususnya guru bahasa Kadazandusun dalam pengajaran kosa kata dengan menggunakan perisian *boros maan*, di samping dapat merancang pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi multimedia selaras dengan aspirasi ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), iaitu memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan.

PERNYATAAN MASALAH

Pelaksanaan dialek Bundu-Liwan sebagai bahasa piawai dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah termasuk dalam buku teks dan buku aktiviti menyebabkan murid-murid mengalami kesukaran untuk menguasai subjek tersebut khususnya dalam aspek kosa kata. Che Madiah Mezah (2013) menyatakan, bahawa perbendaharaan kata yang tidak mencukupi dapat memberikan impak kepada kefahaman dalam bacaan, kepetahan bertutur dan kemahiran menulis kerana penguasaan bahasa sangat berkait rapat dengan jumlah kosa kata yang dikuasai. Selain itu, ia menyebabkan murid berasa kecewa, kurang keyakinan, takut dan malu sekiranya berlaku kesilapan dalam pertuturan bahasa tersebut. Antara masalah lain berkaitan kosa kata termasuklah penggunaan kosa kata yang kurang tepat dalam pertuturan, penggunaan kosa kata yang tidak diperlukan dalam pertuturan serta meninggalkan kosa kata yang sepatutnya ada dalam struktur ayat tersebut (Azani, Azman & Mat Taib, 2012).

Oleh itu, perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun yang telah digunakan dalam kajian ini bertujuan meningkatkan pencapaian kosa kata murid dalam Bahasa Kadazandusun. Di samping itu, untuk merancang pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi multimedia selaras dengan aspirasi ketujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), iaitu memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan.

SOROTAN LITERATUR

Dalam kajian ini, teori kognitif diketengahkan yang dipelopori oleh Mayer. Menurut Mayer (2010), teori kognitif multimedia haruslah mempersembahkan informasi dalam dua format tanpa meningkatkan beban kognitif. Format tersebut adalah penggunaan teks dan gambar di mana kedua-dua elemen multimedia tersebut diorganisasikan dan diintegrasikan mengikut kepentingan pembelajaran setelah melalui proses penapisan aktif di dalam memori manusia (Mohamed, 2011). Sehubungan dengan itu, murid mengalami proses pembelajaran yang lebih baik dan sistematik melalui pembelajaran multimedia yang mana akan memaparkan informasi penting dalam format teks dan gambar. Hal ini turut diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Mohamed (2011), yang menyatakan pembelajaran multimedia berpotensi untuk memberikan kesan positif kepada murid kerana pembelajaran dapat dialami secara terperinci melalui pembelajaran interaktif yang mengandungi audio dan visual yang dinamik. Walau bagaimanapun, Ashfahani (2015) menyatakan pembelajaran berasaskan multimedia mestilah bertepatan dengan objektif pembelajaran agar tidak merumitkan atau menyukarkan pembelajaran. Mayer (2010)

berpendapat bahawa pembelajaran bermakna dari perkataan dan gambar berlaku apabila murid melibatkan lima proses kognitif.

Multimedia diertikan sebagai kombinasi teks, grafik, audio, animasi, dan video yang ditampilkan melalui komputer (Vaughan, 1993). Multimedia interaktif pula merupakan multimedia yang menerima input daripada pengguna seperti papan kekunci, suara atau tetikus dan berfungsi berdasarkan tindak balas. Melalui penggunaan multimedia interaktif, guru atau murid boleh memilih bahan yang dipaparkan dan menyusun tertib mana yang dikehendaki. Selain itu, multimedia interaktif membenarkan pengguna untuk mengerakkan bahan-bahan dengan cara tersendiri, dan pengguna akan mendapat tindak balas dengan cepat. Dalam modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif, elemen multimedia diselitkan dan *hyperlink* turut digunakan bagi memudahkan murid menerima segala maklumat atau pengetahuan dengan mudah dan pantas.

Siti Faizzatul & Razali (2011) berpendapat bahawa penggunaan multimedia dapat menyelesaikan tugas serta membina pengetahuan dalam pelbagai orientasi, sesuai dengan gaya dan keperluan murid sendiri sekiranya murid mengambil bahagian secara aktif dalam pembelajaran multimedia. Kejayaan pembelajaran bahasa juga dapat dicapai sekiranya pembelajaran lebih berpusatkan murid yang menggunakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran tidak kira di dalam dan luar bilik darjah (Zamri *et.al*, 2011). Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian Mastura dan Kaseh (2012) yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan teknologi multimedia dan strategi pembelajaran sendiri terhadap pencapaian bahasa Arab.

Abdul Rashid, Norhashimah dan Shamsudin Othman (2012) mengkaji tentang penggunaan multimedia interaktif terhadap kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan multimedia interaktif dapat meningkatkan kemahiran membaca murid dengan memperoleh min yang positif iaitu 4.03(SP=.55). Responden turut menyatakan bahawa penggunaan multimedia interaktif merupakan bahan bantu mengajar yang berkesan dengan nilai min 4.24 (SP= .47). Seramai 40 orang murid tingkatan satu di empat buah sekolah menengah di Kedah terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik.

Dalam modul *boros maan*, *hyperlink* atau yang juga disebut pautan digunakan bagi menghubungkan antara dokumen, teks, dan media dengan mudah dan pantas. Dalam kata lain, pautan antara bahan atau alat perhubungan elektronik yang memudahkan pengguna untuk berpindah dari dokumen asal ke dokumen yang lain. Oleh itu, *hyperlink* banyak dilakukan dalam modul *boros maan* berasaskan multimedia interaktif bagi memudahkan guru untuk berpindah ke dokumen atau maklumat lain dengan lebih pantas dan mantap serta dapat menjimatkan masa.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan aplikasi perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun dalam pencapaian kosa kata murid Tahap Dua. Mengenal pasti perbezaan *min* pencapaian sebelum dan selepas guru menggunakan perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun dalam pengajaran dan pembelajaran.

METODOLOGI

Dalam konteks kajian, reka bentuk kajian kuantitatif berasaskan kaedah kuasi eksperimen dengan menggunakan ujian pra dan ujian pasca. Reka bentuk kajian kuantitatif dijalankan untuk mendapatkan data dalam bentuk angka atau *numerical* yang boleh diterjemahkan dalam bentuk penganalisan sistematik untuk melihat keputusannya (Fraenkel & Wallen, 2012). Tujuan kajian ini adalah untuk menilai kesan perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun terhadap pencapaian murid dalam kosa kata. Fokus kosa kata hanya pada kata kerja sahaja (*boros Maan*). Lokasi kajian melibatkan beberapa buah sekolah di pedalaman negeri Sabah, yang masih serba kekurangan dari segi prasarana. Sebelum menjalankan kajian ini, terlebih dahulu kajian rintis telah dijalankan di beberapa buah sekolah pedalaman yang berlainan. Pelaksanaan kuasi eksperimen kumpulan kawalan dan rawatan dengan menggunakan lembaran kerja yang telah diedarkan kepada murid sebelum dan selepas menggunakan perisian tersebut. Manakala analisis data berdasarkan gred dan skor markah mengikut peratus yang dikategorikan mengikut pencapaian seperti berikut:

Jadual 1:

Gred dan markah di sekolah Malaysia

Gred	Markah (Peratus)
A	80-100
B	65-79
C	50-64
D	40-49
E	0-39

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016

Untuk mendapatkan indeks kebolehpercayaan instrumen, pengkaji terlebih dahulu telah menjalankan kajian rintis dengan menggunakan lembaran kerja berdasarkan perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun. Pengkaji telah datang ke sekolah tersebut dan berjumpa dengan guru besar sekolah bagi meminta kebenaran menjalankan kajian rintis tersebut dan selepas itu berjumpa penolong kanan serta ketua panitia subjek Bahasa Kadazandusun. Guru subjek berkenaan melaksanakan pengajaran tersebut berdasarkan langkah-langkah pengajaran yang telah disediakan dan menggunakan perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun. Seramai 40 orang murid telah mengikuti ujian pra dan ujian pasca. Soalan-soalan lembaran kerja iaitu ujian pra dan ujian pasca telah dibina selaras dengan tajuk pengajaran iaitu Tajuk: *Boros Maan Transitif*. Sampel kajian mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran selama enam minggu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan

Jadual 2 menunjukkan markah perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan. Markah penuh bagi setiap ujian adalah sembilan. Dari keputusan yang telah diperolehi min bagi ujian pra yang telah diperolehi oleh kumpulan kawalan ialah $M=3.45$ dan min bagi ujian pasca telah meningkat kepada $M=7.25$. Terdapat perbezaan antara keputusan ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan kawalan ini iaitu sebanyak 3.8.

Jadual 2:

Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan

Murid	Markah ujian	Gred	Markah ujian	Gred
	pra		pasca	
1	44%	D	100%	A
2	44%	D	100%	A
3	44%	D	67%	B
4	44%	D	67%	B
5	33%	E	56%	C
6	44%	D	78%	B
7	22%	E	78%	B
8	22%	E	78%	B
9	44%	D	89%	A
10	33%	E	89%	A
11	56%	C	89%	A
12	44%	D	89%	A
13	56%	C	89%	A
14	22%	E	78%	B
15	22%	E	67%	B
16	44%	D	89%	A
17	33%	E	78%	B
18	56%	C	100%	A
19	22%	E	67%	B
20	22%	E	67%	B
Min	3.45		7.25	
SP	1.050		1.164	

Jadual 2 menunjukkan julat skor bagi ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan. Maklumat yang diperolehi dari jadual ini menunjukkan pada ujian pra tidak ada seorang murid pun yang mendapat gred A dan B. Hanya tiga daripada 20 orang murid mendapat gred C dengan memperoleh markah yang sama iaitu 56%. Bagi gred D pula seramai lapan orang murid mendapat gred tersebut dengan markah 44% dan 22% iaitu murid pertama, kedua, ketiga, keempat, keenam, kesembilan, ke-12 dan ke-19. Seramai sembilan orang murid yang mendapat gred E dengan markah 33% dan 22%. Murid tersebut adalah murid kelima, ketujuh, kelapan, kesepuluh, ke-14, ke-15, ke-17, ke-19 dan ke-20.

Maka itu, dapat disimpulkan bahawa pada ujian pra bagi kumpulan kawalan daripada 20 orang murid hanya dua murid mendapat peratus markah 56% iaitu pada tahap memuaskan atau gred C dan lapan orang mendapat peratus markah 44% iaitu mencapai tahap minimum pada ujian pra. Selebihnya pula belum mencapai tahap minimum dengan peratus markah 33% dan 22%.

Walau bagaimanapun, murid kumpulan kawalan mula menunjukkan peningkatan pada ujian pasca di mana sembilan orang murid mendapat peratus markah 89% dan 100% iaitu pada tahap cemerlang iaitu murid pertama, kedua, kesembilan, kesepuluh, ke-11, ke-12, ke-13, ke-16 dan ke-18. Seramai sepuluh orang murid pula pada tahap pencapaian yang baik dengan peratus markah 67% dan 78% iaitu murid ketiga, keempat, keenam, ketujuh, kelapan, ke-14, ke-15, ke-17, ke-19 dan ke-20. Hanya seorang murid sahaja yang berada pada tahap pencapaian memuaskan iaitu murid kelima.

Kesimpulannya, kesemua murid kumpulan kawalan yang mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran guru yang menggunakan teknik tradisional, iaitu *chalk and talk* menunjukkan peningkatan pencapaian yang baik pada ujian pasca dalam menguasai kosa kata Bahasa Kadazandusun.

Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Eksperimen

Jadual 3 menunjukkan markah perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen. Markah penuh bagi setiap ujian adalah sembilan. Dari keputusan yang telah diperolehi min bagi ujian pra yang telah diperolehi oleh kumpulan eksperimen ialah $M=3.05$ dan min bagi ujian pasca telah meningkat kepada $M=8.15$. Terdapat perbezaan antara keputusan ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan eksperimen ini iaitu sebanyak 5.1 iaitu lebih perbezaannya berbanding min ujian pra dan pasca kumpulan kawalan.

Jadual 3:

Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Eksperimen

Murid	Markah ujian pra	Gred	Markah ujian pasca	Gred
1	44%	D	100%	A
2	56%	C	89%	A
3	0%	E	56%	C
4	44%	D	89%	A
5	44%	D	56%	C
6	22%	E	100%	A
7	56%	C	100%	A
8	33%	E	100%	A
9	44%	D	100%	A
10	44%	D	89%	A
11	33%	E	100%	A
12	22%	E	100%	A
13	22%	E	100%	A
14	22%	E	78%	B
15	11%	E	67%	B
16	44%	D	89%	A
17	33%	E	100%	A
18	56%	C	100%	A
19	22%	E	100%	A
20	22%	E	100%	A
Min	3.05		8.15	
SP	1.395		1.348	

Jadual 3 juga menunjukkan julat skor bagi ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan eksperimen. Maklumat yang diperolehi dari jadual ini menunjukkan pada ujian pra juga tidak ada seorang murid pun yang mendapat gred A dan B. Hanya tiga daripada 20 orang murid mendapat gred C dengan memperoleh markah yang sama iaitu 56%. Bagi gred D pula seramai enam orang murid mendapat gred tersebut dengan memperoleh markah yang sama 44% iaitu murid pertama,

keempat, kelima, kesembilan, kesepuluh dan ke-16. Seramai 11 orang murid yang mendapat gred E dengan markah 33%, 22%, 11% dan 0%. Murid tersebut adalah murid ketiga, keenam, kelapan, ke-11, ke-12, ke-13, ke-14, ke-15, ke-17, ke-19 dan ke-20.

Secara keseluruhannya daripada 20 orang murid kumpulan eksperimen hanya tiga orang mendapat skor 56% iaitu pada tahap memuaskan dan enam orang mendapat skor 44% iaitu mencapai tahap minimum pada ujian pra. Selebihnya pula belum mencapai tahap minimum dengan skor 0-39%.

Walau bagaimanapun, murid kumpulan eksperimen mula menunjukkan peningkatan pada ujian pasca di mana 16 orang murid mendapat peratus markah 89% dan 100% iaitu pada tahap cemerlang iaitu murid pertama, kedua, keempat, keenam, ketujuh, kelapan, kesembilan, kesepuluh, ke-11, ke-12, ke-13, ke-16, ke-17, ke-18, ke-19 dan ke-20. Dua orang murid pula pada tahap pencapaian yang baik dengan peratus markah 67% dan 78% iaitu murid ke-14 dan ke-15. Dua orang murid lagi pula berada pada tahap pencapaian memuaskan iaitu murid ketiga dan kelima.

Berdasarkan analisis peningkatan peratus pencapaian murid dalam ujian pasca, mendapati semua murid menunjukkan peningkatan yang positif walau pun tidak semua mendapat gred A+ iaitu pada tahap yang cemerlang. Namun, kebanyakan murid menunjukkan peningkatan pencapaian markah pada ujian pasca. Kesimpulannya, murid kumpulan eksperimen menunjukkan peningkatan pencapaian yang tinggi selepas kumpulan ini menjalani rawatan dengan pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun.

CADANGAN

Cadangan kepada guru Bahasa Kadazandusun

Dicadangkan juga guru mempelbagaikan teknik pengajaran seperti menggunakan elemen multimedia iaitu animasi, audio, grafik dan sebagainya bagi menarik perhatian dan minat murid dalam mempelajari Bahasa Kadazandusun. Selain itu, kemahiran Bahasa Kadazandusun perlu diajar secara bertema dan berkaitan antara satu pelajaran dengan pelajaran bahasa yang lain. Peranan ini wajar diambil oleh komuniti Kadazandusun dalam konteks memelihara dan memajukan bahasa Kadasadusun pada masa hadapan. Pengalaman komuniti masyarakat Iban di Sarawak boleh diambil contoh yang menubuhkan Yayasan Tun Jugah (TJF) pada tahun 1985. Yayasan ini menurut Chemaline Osup (2015) bertujuan melaksanakan usaha bersepadu untuk memelihara dan mengembangkan bahasa dan kebudayaan Iban.

Melalui kajian ini dicadangkan agar guru dapat menghasilkan modul berasaskan multimedia interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun agar murid dapat mempelajari kosa kata bahasa tersebut dengan mudah sekaligus dapat menjimatkan masa guru. Dengan penguasaan kosa kata yang baik, murid dapat menghasilkan penulisan yang kreatif kelak.

Cadangan Kepada Pihak Sekolah

Pihak sekolah harus memastikan guru mengaplikasikan teknologi multimedia semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun seperti yang dinyatakan dalam KSSR Boros Kadazandusun Tahun 4 dan sejajar dengan perkembangan teknologi IT pada abad ini.

Bagi memudahkan murid untuk mempelajari Bahasa Kadazandusun, penyediaan Kamus Bahasa Kadazandusun-Kadazandusun dan Bahasa Melayu-Bahasa Kadazandusun juga amat penting dalam membantu pengajaran guru. Hal ini penting agar murid dapat memahami istilah-istilah yang ada dalam Bahasa Kadazandusun.

Cadangan Kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Mengadakan kursus untuk membina bahan perisian seperti modul pembelajaran berasaskan multimedia interaktif kepada guru Bahasa Kadazandusun agar mereka lebih terdedah mengenai kepentingan teknologi multimedia dan dapat meningkatkan keyakinan mereka terhadap penggunaan bahan yang berbantuan komputer serta dapat menghasilkan perisian sendiri.

Pihak Kementerian Pendidikan juga berperanan dalam meningkatkan kecermerlangan murid dan mutu pelajaran Bahasa Kadazandusun. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab mengubal silibus dan menyediakan modul perlu memperkenalkan morfologi Bahasa Kadazandusun dari peringkat awal dan memastikan modul yang disediakan berkesinambungan, menyeluruh dan bersesuaian pada tahap murid Bahasa Kadazandusun. Murid perlu tahu fungsi setiap kata yang ada dalam Bahasa Kadazandusun seperti *boros ngaran*, *boros maan transitif* dan sebagainya.

RUMUSAN

Berdasarkan analisis data yang dilakukan, dapat dirumuskan bahawa penggunaan perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun dapat meningkatkan pencapaian murid dalam kosa kata Bahasa Kadazandusun. Hal ini jelas menunjukkan murid kumpulan eksperimen yang menggunakan perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun mendapat pencapaian yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Berdasarkan hasil dapatan, pengaplikasian perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun jelas memberikan kesan positif dalam pembelajaran kosa kata. Justeru, melalui penggunaan perisian kosa kata (*boros maan*) Kadazandusun sedikit sebanyak dapat membantu golongan pendidik menggunakan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping dapat mempelbagaikan lagi alat bantu mengajar bagi subjek Bahasa Kadazandusun. Selain itu, murid juga dapat melatih diri mereka dalam menggunakan teknologi multimedia menerusi penggunaan perisian tersebut dan seterusnya melahirkan murid yang celik IT dan responsive pada mass media baharu. Hal ini dapat menggalakkan pertumbuhan murid selain dipengaruhi oleh elemen-elemen lain di sekeliling mereka sepertimana yang ditegaskan oleh Harun Joko Prayitno, *et al* (2019) bahawa Pertumbuhan dan perkembangan anak-anak dipengaruhi oleh banyak perkara, mass media salah satu daripadanya. Oleh itu, dicadangkan agar para pendidik dapat merancang pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dalam subjek Bahasa Kadazandusun menggunakan teknologi multimedia agar dapat menarik minat murid untuk belajar bahasa tersebut.

RUJUKAN

Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim, & Shamsudin Othman, (2012) Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid probim, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ)*, 2 (2), 46-53

- Abdullah, N. I., Sarudin, A., Osman, Z., & Mohamed Redzwan, H. F. (2020). Elemen multimodaliti dalam karya kartun menerusi mod linguistik dan mod visual. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 28-39. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/126>
- Arshad, M., & Amzah, F. (1). Pendekatan interaktif dalam proses pengajaran Bahasa Melayu di sekolah. , 1(1), 42 - 63. Retrieved from [https://rumpunjurnal.com/jurnal/ Rumpun Jurnal Persuratan Melayu index.php/rumpun/article/view/98](https://rumpunjurnal.com/jurnal/Rumpun%20Jurnal%20Persuratan%20Melayu%20index.php/rumpun/article/view/98)
- Che Radiah Mezah & Norhayuza (2013). *Kosa Kata Teori dan Aplikasi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Serdang Selangor
- Frankel, J., Wallen, N., & Huyn, H. (2012). *How to design and evaluate research in education* (8th Edition). New York: Mc Graw Hill, Inc.
- Harun Joko Prayitno, Abdul Ngalim, Anam Sutopo, Diah Widi Pangestu, Norliza Jamaluddin & Abdul Halim Ali (2019) `Directive politeness act strategy in the discourse of education column in national newspaper as the formation of students' character in Indonesia`, *Humanities & Social Sciences Reviews*, Vol 7, No 2, 2019, 349-362 <https://doi.org/10.18510/hssr.2019.7241>
349
- Julita Norjietta Taisin (2011). Kesediaan Guru Bahasa Kadazandusun Tamparuli Sabah. Terhadap penggunaan pakej perisian dalam pengajaran dan pembelajaran: satu tinjauan di beberapa buah sekolah rendah daerah *Geran Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris*
- Jumil, F., & Taisin, N. J. (2017). Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Julat Markah Sekolah Rendah*. Retrieved From <https://mypt3.com/gred-upsr-terkini-markah>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan pendidikan Malaysia Laporan Tahunan 2014*. Retrieved From <http://www.moe.gov.my>
- Mohamed Sultan, F. M., & Mohd Nasir, S. N. N. (2020). Kata kerja bantu dialek Kelantan: Analisis kerangka program minimalis. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 1-15. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/124>
- Noordin, H.S & Zainal Abiden, N.F. (2010). *Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Bakal Guru Fizik Semasa Latihan Mengajar*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Osup, C. (1). Bahasa etnik Iban di Sarawak. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 100 - 113. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/77>
- Pramudijanto, J., Ashfahani, A., Fatoni, A., & Nugroho, S. A. (2015). `PLC-Based PID-Predictive Controller Design for 3-Phase Induction Motor on Centrifugal Machine for Sugar Manufacturing Process`. *2015 International Conference on Advanced Mechatronics, Intelligent Manufacture, and Industrial Automation (ICAMIMIA)*, 49-52.
- Rosneh Wasli, (2013) `Minat pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Kadazandusun dalam kalangan pelajar Daerah Tambunan, Sabah: Satu kajian kes`_. *Tesis Master*, Universiti Malaysia Sabah.
- Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman Abd Salam, (2011) `Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah`. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36 (1), 5-34.